

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang Muamalat Emas-i (ME-i) - Akaun Emas anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU MUAMALAT EMAS-i (ME-i) – AKAUN EMAS

Muamalat Emas-i (ME-i) – Akaun Emas adalah produk emas yang patuh Syariah yang memberi peluang kepada pelanggan untuk menyertai pasaran komoditi logam bernilai. Pulangan anda adalah melalui kenaikan harga modal emas pembelian awal anda. Produk ini bertujuan menggalakkan penghasilan harta, pengumpulan harta dan pengagihan harta di kalangan para pelanggan. Ini adalah sebuah produk yang unik dan mempunyai pelbagai khidmat tambahan untuk memastikan kepuasan dan keberkesanan pengalaman pelanggan. (ME-i) – Akaun Emas membolehkan Bank (bertindak sebagai wakil kepada pelanggan) untuk mengurus dan mengendalikan ME-i – Akaun Emas untuk pelanggan dan menyediakan penyimpanan emas bagi pihak pelanggan.

Transaksi ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah perbankan seperti melalui kaunter, melalui sistem atas talian, ataupun melalui arahan pembayaran tetap secara berkala. Para pelanggan boleh menjual emas melalui Akaun Emas masing-masing dan juga menukarkan Akaun Emas ke dalam bentuk fizikal. Selain itu pelanggan juga dibenarkan untuk memindah-milik emas kepada akaun emas yang lain tanpa menjual emas tersebut. Pelanggan dikehendaki untuk mengekalkan atau membuka akaun semasa atau simpanan untuk memudahkan pembelian atau penebusan emas. Hakmilik emas para pelanggan akan direkodkan di dalam buku simpanan emas. Akaun Simpanan dan Semasa pelanggan akan didebitkan dengan serta-merta atas transaksi pembelian dan akan dikreditkan dengan serta-merta bagi mana-mana transaksi jualan. Pembelian atau penebusan secara tunai tidak dibenarkan.

Di bawah pelaksanaan ini, Wakalah ialah kontrak agensi di mana satu pihak (prinsipal) melantik yang lain (ejen) untuk melaksanakan sesuatu tugas. Dalam produk ini, pelanggan melantik Bank sebagai ejen untuk mengurus dan menjaga akaun emas, manakala Pembekal Emas melantik Bank sebagai ejen untuk membeli atau menjual emas kepada pelanggan. Bai' Sarf merujuk kepada pertukaran wang dengan wang atau wang dengan emas. Di bawah kontrak ini, pelanggan membeli emas daripada Bank pada harga yang disebut dalam Ringgit Malaysia dan boleh menjualnya semula kepada Bank kemudian pada harga jualan yang disebut Bank. Wa'd merujuk kepada suatu janji atau aku janji yang merujuk kepada satu ungkapan terhadap komitmen yang diberikan oleh salah satu pihak kepada yang lain untuk melaksanakan sesuatu tindakan pada masa akan datang. Ia terpakai apabila Bank melakukan pembelian balik atau penjualan emas pada masa hadapan, yang mungkin ditawarkan sebagai sebahagian daripada promosi.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Perkara	Penerangan
Pembelian Minima Awal	Individu : 1 gram atau RM 10 Bukan Individu : 1 gram atau RM 10
Pembelian Minima Seterusnya	Individu : RM 10 (atau bersamaan dalam gram) Bukan Individu : RM 10 (atau bersamaan dalam gram) *Nota: Tertakluk kepada maksimum lima (5) pembelian/jualan setiap hari.
Ketulenan Emas	99.99%
Mata Wang	Ringgit Malaysia (RM)
Akaun Semasa/ Simpanan	Anda haruslah mempunyai Akaun Simpanan atau Semasa BMMB bagi tujuan untuk: i. mendebitkan akaun berkenaan bagi akaun pembelian; ii. mengkreditkan hasil penebusan; iii. mendebitkan fi dan caj (jika ada).

Fi & Caj	Jumlah
Yuran Penukaran bagi pertukaran emas (Akaun Emas kepada Emas Fizikal)	Yuran Penukaran adalah tertakluk kepada turun naik harga emas. Formula penukaran bayaran adalah seperti di bawah:- $\text{Yuran Penukaran} = (\text{Harga "Bank Jual" Emas Fizikal} - \text{Harga "Bank Jual" Emas Akaun}) \times \text{Denominasi}$
Fi Simpanan	Tiada

*Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Hubungi kami jika anda memerlukan penerangan dan penjelasan yang lebih lanjut mengenai produk ini.



Sila rujuk kepada analisis prestasi emas daripada sumber berikut:
<https://goldprice.org/gold-price-history.html>

Terma dan Syarat Utama

Pembelian atau Penjualan Emas oleh Bank

- Warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun.
- Akaun Amanah adalah dibenarkan untuk kanak-kanak berumur dibawah 18 tahun.
- Akaun bersama adalah tidak dibenarkan.

Penebusan atau Belian Emas oleh Bank

- Penebusan/jualan emas hanya boleh dilakukan oleh orang/entiti yang dikenalpasti dalam rekod pihak Bank.
- Butir-butir Akaun Emas (denominasi, dan lain-lain) mestilah bersamaan dengan rekod pihak Bank.

Jika anda ingin mengetahui penilaian strategi, kekerapan dan tempat penilaian diterbitkan, sila rujuk maklumat berikut:

Harga emas setiap gram akan ditentukan berdasarkan kadar yang disebut oleh Pembekal Emas kepada Bank dan kemudian ditawarkan kepada pelanggan apabila Borang Permohonan diserahkan. Pembekal Emas menetapkan harga dengan mengambil kira keadaan pasaran dan ketulenan emas. Pembelian akan diproses pada hari bekerja berikutnya selepas Bank menerima Borang Permohonan yang lengkap.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

3 KETAHUI RISIKO ANDA

4 TERMA UTAMA LAIN

Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan produk ini?

- a) **Risiko Pasaran**
 Nilai ME-i – Akaun Emas boleh berubah disebabkan oleh faktor seperti keadaan pasaran, keyakinan pelabur, kadar keuntungan, pertukaran mata wang, inflasi serta faktor ekonomi, politik dan alam sekitar di peringkat tempatan dan global. Perubahan harga boleh berlaku secara mendadak dan menjejaskan pulangan pelaburan anda. Nilai emas mungkin berbeza antara masa pembelian dan penebusan. Prestasi lalu tidak menjamin pulangan masa hadapan.
- b) **Risiko Undang-Undang**
 Sekiranya Pelanggan gagal memenuhi kewajipannya di bawah Akaun MG-i – Emas, Bank berhak untuk menguatkuasakan haknya mengikut terma, syarat dan undang-undang yang terpakai bagi produk tersebut. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan tersebut mungkin dihadkan oleh faktor seperti undang-undang kebangkrutan atau insolvensi, prinsip undang-undang am di mana pampasan dianggap mencukupi, atau jika obligasi Bank di luar Malaysia bercanggah dengan undang-undang Malaysia atau dasar awam.
- c) **Risiko Perubahan terhadap Undang-Undang**
 Ini mungkin mempunyai kesan buruk ke atas penilaian, harga dan/atau kecairan transaksi disebabkan perubahan undang-undang.

Penyimpanan Akaun Emas

- Pelanggan melantik Bank untuk bertindak sebagai Ejen pelanggan untuk mengenal pasti dan mengatur bagi memastikan emas pelanggan disimpan di dalam peti besi Bank atau membayar kepada pihak ketiga, Penyedia Perkhidmatan Peti Besi Keselamatan untuk menyimpan Emas pelanggan yang dibeli dari Bank.
- Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atau liabil bagi sebarang kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada sebarang perbuatan, peninggalan atau kecuai oleh Penyedia Perkhidmatan Ruang Simpanan Keselamatan. Penyimpanan Emas oleh Penyedia Perkhidmatan Ruang Simpanan Keselamatan adalah atas risiko Pelanggan sendiri, dan Bank tidak menjamin prestasi atau keselamatan perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Ruang Simpanan Keselamatan tersebut.
- Bank hanya bertindak sebagai Ejen untuk pelanggan untuk memudahkan penyimpanan Bar Emas Fizikal (Cast) dan / atau Bar Emas Fizikal (Minted) melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Peti Besi Keselamatan. Oleh itu, akauntabiliti Bank terhadap pelanggan hanya akan dihadkan kepada tindakan kecuai atau peninggalan oleh Bank berhubung dengan peranan Bank sebagai ejen.

Penukaran Emas

- Penukaran hanya dibenarkan daripada Akaun Emas kepada Emas Fizikal tanpa sebarang urus niaga beli atau jual. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian atau di mana-mana cawangan BMMB dengan membawa buku simpanan emas, mengisi borang dan memberi notis awal. Yuran dikenakan mengikut harga pasaran pada hari urus niaga. Emas Fizikal tertakluk kepada ketersediaan stok dan akan siap dalam 10 hari bekerja. Penukaran daripada Emas Fizikal kepada Akaun Emas tidak dibenarkan, namun pelanggan boleh menjual emas dan membuka Akaun Emas baharu pada harga pasaran semasa.

Objektif Pulangan

Produk ini tidak menjamin sebarang keuntungan. Keuntungan anda adalah daripada potensi peningkatan nilai modal jumlah emas anda.

Emas Prinsipal

Prinsipal tersebut adalah tertakluk kepada ketaktentuan pasaran emas dan kebarangkalian mengakibatkan kemerosotan nilai emas.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Muamalat Emas-i (ME-i) – Akaun Emas, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Muamalat Emas-i \(ME-i\) - Akaun Emas](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:
Tarikh:

AMARAN:

PULANGAN MUAMALAT EMAS-i – AKAUN EMAS INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. MUAMALAT EMAS-i – AKAUN EMAS TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.